

17 JAN 1997

ANUGERAH SESUAI DENGAN USAHA PM PERKENALKAN ISLAM

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Persatuan Islam Dawoodi Bohra menyifatkan penganugerahan Hadiah Antarabangsa Raja Faisal kepada Datuk Seri Seri Dr Mahathir Mohamad amat bersesuaian dengan sumbangan Perdana Menteri kepada Islam.

"Anugerah itu adalah amat wajar berdasarkan usaha berterusan Perdana Menteri memperkenalkan dan melaksanakan dasar-dasar Islam," kata setiausaha kehormatannya Haji Sajad Hussein Kamarally dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata Islam di Malaysia menunjukkan kesan yang mendalam apabila pelbagai perubahan dasar yang dibuat oleh Dr Mahathir telah membantu negara untuk maju serta meningkatkan imej Islam dalam negara dan di dunia.

Sajad berkata Dr Mahathir membuktikan bahawa Islam bertenaga dan sesuai sepanjang masa.

Pengumuman penganugerahan itu dibuat dua hari lepas oleh Setiausaha Agung Yayasan Raja Faisal, Putera Bandar bin Saud bin Khaled Al-Saud, yang memberitahu Dr Mahathir di Los Angeles melalui telefon.

Anugerah itu berupa sijil, pingat peringatan emas 200gm dan wang SR750,000 (RM500,000). -- BERNAMA

MAM SN MAI